

14 NOV 1997

Mahathir-Sokong (Rangkuman)

LAGI SOKONGAN UNTUK DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 14 Nov (Bernama) -- Sokongan untuk Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan kepimpinannya terus disuarakan hari ini ekoran draf usul kepada kongres Amerika Syarikat yang menuntut beliau meminta maaf secara terbuka atau meletak jawatan kerana didakwa membuat kenyataan anti-Yahudi.

Antara mereka ialah para pemimpin Umno, MCA, Gerakan dan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) yang membantah tindakan 27 anggota kongres yang diketuai anggota Demokrat dari Florida Robert Wexler itu.

Dr Mahathir sudah menjelaskan sebelum ini bahawa kenyataannya yang menyalahkan spekulator mata wang George Soros, seorang Yahudi, terhadap krisis mata wang di Asia Tenggara telah disalah-tafsirkan dan beliau bukan anti-Yahudi.

Setiausaha Agung MCA Datuk Dr Ting Chew Peh mengeluarkan kenyataan yang menyifatkan draf usul itu sebagai tindakan tidak bertanggungjawab oleh segelintir anggota kongres Amerika yang tersilap terima maklumat.

"Draf usul seperti itu merupakan satu penghinaan kepada proses demokrasi dan perbuatan yang tidak menghormati hasrat rakyat Malaysia," kata Ting.

Katanya tindakan itu tidak seharusnya dibiarkan untuk merosakkan perhubungan baik yang sudah lama terjalin antara kerajaan dan rakyat kedua-dua negara.

Presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik berkata tindakan anggota kongres itu menunjukkan sikap perkauman mereka dan percubaan untuk campur tangan dalam hal-ehwal dalaman Malaysia.

Sambil menyatakan sokongan penuh kepada Dr Mahathir, Dr Lim berkata Perdana Menteri telah dipilih oleh rakyat Malaysia, oleh itu Amerika tidak berhak untuk menuntut beliau meletak jawatan.

Pos Malaysia Berhad mengadakan perhimpunan di ibu pejabatnya yang dihadiri lebih 500 kakitangannya yang melahirkan ikrar sokongan yang tidak berbelah bahagi kepada Dr Mahathir dan kerajaan.

"Sebagai rakyat Malaysia yang bertanggungjawab, Pos Malaysia ingin mempertahankan nama baik Malaysia dan pemimpin kita. Kita tidak rela Malaysia diperbudak-budakkan dan dipandang rendah," kata Pengerusi Eksekutifnya Tan Sri Zainol Mahmood.

Presiden MTUC Zainal Rampak berkata tindakan membuat draf usul itu merupakan tindakan yang sangat tidak bertanggungjawab.

Beliau berkata Amerika tiak mempunyai apa-apa hak untuk menuntut supaya Dr Mahathir meminta maaf atau meletak jawatan kerana Dr Mahathir hanya bertanggungjawab terhadap rakyat Malaysia yang memilihnya dan kepada Parlimen Malaysia, bukan kepada sesiapa sahaja yang berasa dia boleh membuat keputusan yang bercanggah dengan hasrat 20 juta rakyat Malaysia.

Parti pembangkang Parti Rakyat Malaysia berkata tindakan anggota kongres Amerika itu mencerminkan keangkuhan dan sikap tidak demokratik mereka. Ia menggesa supaya kerajaan tidak tunduk kepada tekanan.

Setiausaha agung parti itu Dr Sanusi Osman berkata: "Tindakan anggota kongres itu memperkukuhkan lagi anggapan kita terhadap Kongres Amerika yang terus bersikap anti negara dunia ketiga, anti-Palestin dan pro-Israel".

Di MARANG, Ketua Penerangan Umno Datuk Dr Yusof Noor berkata tindakan anggota kongres Amerika itu tidak demokratik dan merupakan petualang untuk menghancurkan dunia.

Beliau berkata mereka yang selama ini mengakui sebagai pejuang

demokrasi sebenarnya tidak pandai menterjemahkan makna demokrasi itu ke dalam tindakan dan kata-kata mereka.

"Diharapkan tindakan oportunistik mereka itu tidak menggambarkan keadaan masyarakat Amerika sebenarnya," kata beliau kepada pemberita selepas merasmikan Kelas Al-Quran dan Fardu Ain di Masjid Wakaf Tapai hari ini.

Di PASIR MAS, kira-kira 1,000 anggota Pemuda Umno Pasir Mas mengadakan perhimpunan di Kampung Kubang Batang, Wakaf Baharu hari ini bagi membantah tindakan anggota Kongres Amerika itu yang dianggap mencampuri urusan negara ini.

Pada perhimpunan itu, satu resolusi bertajuk "Resolusi Jumaat 14 November 1997 -- Perhimpunan Wakaf Baharu" dikeluarkan dan dibacakan oleh Ketua Pemuda bahagian Shamsul Bahari Ismail.

Dalam resolusi itu Pemuda Umno Pasir Mas menyatakan sokongan penuh kepada kepimpinan Dr Mahatir dan berazam terus berdiri teguh di belakang beliau dalam apa sahaja tindakan bagi mempertahankan kedaulatan rakyat dan negara ini.

Ia juga mendesak masyarakat antarabangsa mengutuk pendirian tidak demokratik anggota kongres Amerika itu.

Shamsul menyerahkan resolusi itu kepada Ketua Umno Bahagian Datuk Ibrahim Ali untuk disampaikan kepada Dr Mahathir.

Sementara itu, Pergerakan Pemuda parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) mungkin perlu pergi ke Amerika Syarikat untuk memberikan penjelasan mengenai bantahan mereka terhadap resolusi 27 anggota Kongres negara itu.

Timbalan Presiden Gerakan Datuk Kerk Choo Ting berkata Pemuda BN boleh mengemukakan penjelasan dan bantahan mereka dengan lebih berkesan kepada pihak-pihak berkenaan di Amerika Syarikat.

"Cara ini lebih berkesan daripada hanya membuat penjelasan di sini," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat Jawatankuasa pusat Parti Gerakan di sini, hari ini.

Semalam, Ketua Pergerakan Pemuda Umno Datuk Ahmad Zahid Hamidi selepas mengetuai wakil-wakil Pemuda BN berjumpa dengan pegawai kedutaan itu di sini, berkata Pemuda Umno akan menghantar E-mel menggesa semua anggota Kongres Amerika Syarikat supaya jangan menyokong resolusi itu. -- BERNAMA

MNY NAK